



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 10 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN LAKSANA PENDEKATAAN MENYELURUH URUS HAL EHWAL OKU		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-laksana-pendekatan-menyeluruh-urus-hal-ehwal-oku	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SELANGOR LANCAR SIWANIS 2025/2026, PERKUKUH PENYERTAAN WANITA DALAM PEMBUATAN DASAR		POSITIF
	https://malaysiaaktif.my/2025/12/siswanis-2025-2026-selangor-perkukuh-kepimpinan-wanita/	MALAYSIAAKTIF.MY	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/12/334479/dana-rm100000-perkasa-program-kepimpinan-wanita-selangor	MEDIASELANGOR.COM	
	https://harapandaily.com/2025/12/09/selangor-lancar-siwanis-2025-2026-perkukuh-penyertaan-wanita-dalam-pembuatan-dasar/	HARAPANDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MELAKA SALUR BANTUAN KEWANGAN BULANAN, CAKNA KEPERLUAN WARGA EMAS		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/melaka-salur-bantuan-kewangan-bulanan-cakna-keperluan-warga-emas/	MELAKAHARIINI.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=2QqSuXVTJ_g	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	LELAKI DIDERA, REALITI YANG JARANG DIBICARAKAN		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/lelaki-didera,-realiti-yang-jarang-dibicarakan	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SAMBUTAN LUAR BIASA UMMU 2025, BUKTI KEPENTINGAN AGENDA WANITA DAN KELUARGA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sambutan-luar-biasa-ummu-2025,-bukti-kepentingan-agenda-wanita-dan-keluarga	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2500514	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/wanita-perlu-yakin-potensi-diri-tabah-hadapi-cabaran-hidup/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2500534	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/dr-wan-azizah-urges-women-to-believe-in-potential-stay-resilient/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LATAR BELAKANG EMPAT MANGSA PEDOFILIA MASIH KABUR - EXCO JOHOR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297757/latar-belakang-empat-mangsa-pedofilia-masih-kabur-exco-johor	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/12/1333249/authorities-unable-trace-families-four-children-rescued-paedophile	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	HARI HAK ASASI MANUSIA: PERLINDUNGAN KANAK-KANAK, OKU PERLU DIBERI LEBIH PERHATIAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/pakej-berita/senarai-pakej-berita/senarai-artikel/hari-hak-asasi-manusia-perlindungan-kanak-kanak-oku-perlu-diberi-lebih-perhatian	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PROGRAM KESEDARAN KANAK-KANAK, SOKONGAN WANITA PERLU DIPERKUKUH		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/12/09/program-kesedaran-kanak-kanak-sokongan-wanita-perlu-diperkukuh/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	HARI KANAK-KANAK HTA GALAK ANAK BEBAS DARIPADA GAJET		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297796/hari-kanak-kanak-hta-galak-anak-bebas-daripada-gajet	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	KERAJAAN KAJI KESELAMATAN KANAK-KANAK GUNA PERMAINAN DALAM TALIAN – TEO		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-kaji-keselamatan-kanak-kanak-guna-permainan-dalam-talian-teo/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1482747/isu-keselamatan-kanak-kanak-guna-permainan-dalam-talian-diteliti	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/762973	MALAYSIAKINI.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mcmc-pantau-kandungan-memudaratkan,-eksploitasi-seksual-kanak-kanak-dalam-talian	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/kerajaan-teliti-keselamatan-kanak-kanak-dalam-permainan-dalam-talian/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keselamatan-kanakkanak-dalam-permainan-dalam-talian-diteliti-secara-menyeluruh-teo-551043	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiaaktif.my/2025/12/mcmc-pantau-kandungan-memudaratkan-dalam-talian-termasuk-eksploitasi-seksual-kanak-kanak/	MALAYSIAAKTIF.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PENUNTUT IPT DIDAKWA LAKUKAN SEKS LUAR TABII, AMANG SEKSUAL PELAJAR TINGKATAN 5		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1482688/penuntut-ipt-didakwa-lakukan-seks-luar-tabii-amang-seksual-pelajar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/09/pelajar-ipt-didakwa-buat-seks-oral-sentuh-calon-spm-dalam-myvi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759867/berita/semasa/penuntut-ipt-didakwa-seks-oral-dengan-calon-spm-dalam-myvi	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/09/penuntut-ipt-mengaku-tak-salah-tuduhan-persetubuhan-luar-tabii	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/pelajar-ipt-mengaku-tidak-bersalah-atas-dua-pertuduhan-seks-terhadap-calon-spm/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penuntut-ipt-ditahan-kes-amang-seksual-calon-spm-550376	ASTROAWANI.COM	
	https://www.youtube.com/shorts/WgcZcS1EMZk	YOUTUBE	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/penuntut-ipt-didakwa-lakukan-persetubuhan-luar-tabii-amang-seksual-terhadap-calon-spm/	MALYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://siraplimau.com/seks-oral-dalam-myvi/	SIRAPLIMAU.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	LELAKI DIPENJARA 5 BULAN KERANA CABUL WANITA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-dipenjara-5-bulan-kerana-cabul-wanita/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297850/lelaki-dipenjara-lima-bulan-kerana-cabul-wanita-di-hadapan-masjid	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/bantuan-dipenjara-5-bulan-cabul-wanita/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759894/berita/semasa/cabul-wanita-depan-masjid-duda-dipenjara-lima-bulan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/09/dijel-lima-bulan-cabul-wanita-minta-tolong-motosikal-tersadai/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	ROGOL REMAJA HINGGA HAMIL, LELAKI BANGLADESH DIREMAN 7 HARI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/jenayah/rogol-remaja-hingga-hamil-lelaki-bangladesh-direman-7-hari/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1297801/rogol-remaja-hingga-hamil-lelaki-bangladesh-direman-7-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759890/berita/semasa/lelaki-bangladesh-rogol-remaja-hingga-hamil-direman-seminggu	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/09/lelaki-bangladesh-sentuh-remaja-hingga-hamil-direman-7-hari/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116716/bangladeshi-national-remanded-in-alleged-statutory-rape-pregnancy-case	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	WANITA MAUT, KERETA TERBABAS KE DALAM SUNGAI MUAR		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-maut,-kereta-terbabas-ke-dalam-sungai-muar	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://suarasarawak.my/wanita-maut-selepas-mpv-terjunam-sungai/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan laksana pendekatan menyeluruh urus hal ehwal OKU

Nasional - Dicipta: 09 Disember 2025 11:47 AM



KUALA LUMPUR, 9 Disember - Kerajaan melaksanakan Whole of Government Approach atau pendekatan keseluruhan kerajaan bagi menguruskan hal ehwal orang kurang upaya (OKU) di negara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, selain Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertindak sebagai penyelarar utama bagi pendaftaran OKU dan penyampaian khidmat sosial, kementerian dan agensi yang lain turut terlibat bagi menjamin kebajikan golongan tersebut.

"Aspek lain seperti pendidikan, kesihatan, pekerjaan, aksesibiliti, pengangkutan awam dan pembangunan masyarakat turut melibatkan kementerian dan agensi lain yang lebih kepakaran dalam bidang masing-masing.

"Pendekatan rentas kementerian ini bertujuan memastikan setiap komponen kehidupan OKU ditangani secara menyeluruh oleh pihak yang mempunyai kepakaran teknikal, perundangan dan operasional yang tepat," katanya.

Beliau menjawab soalan dikemukakan Senator Isaiah D Jacob berkenaan hasrat kerajaan sama ada menubuhkan satu Jabatan Hal Ehwal OKU sebagai jabatan tunggal yang menyelaras semua urusan golongan tersebut berikutan jumlah OKU berdaftar bawah JKM kini melebihi 750,000 orang

Dalam pada itu Datuk Seri Dr Noraini menjelaskan Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) bawah JKM telah ditubuhkan pada 1 September 2008 menerusi Akta OKU 2008 dan telah mula beroperasi pada 1 Mei 2009.

Menerusi penubuhan JPOKU, ia menjadi cetusan kepada kebangkitan golongan OKU bagi menuntut hak dan peluang sama rata mereka di negara ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SISWANIS 2025/2026: Selangor Perkukuh Kepimpinan Wanita



SHAH ALAM, 9 Dis (MalaysiaAktif) – Usaha memperkasa peranan wanita dalam arena dasar dan politik terus dipertingkatkan apabila Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) melancarkan Sidang Wanita Selangor (SISWANIS) 2025/2026, sebuah platform strategik yang menjadi tapak melahirkan pemimpin wanita berkualiti tinggi.



Anfaal Saari ketika menyampaikan ucapan perasmian

Exco Pemberdayaan Wanita dan Keluarga serta Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari, berkata SISWANIS kali ini yang memasuki kohort keempat, turut menerima suntikan dana daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di bawah Program Perintis 2025

sekali gus memperkukuh usaha melahirkan pelapis wanita berkemahiran serta bersedia menyumbang kepada pembangunan dasar negara.

"Seramai 56 peserta dipilih, terdiri daripada alumni SISWANIS dan aktivis politik wanita, bagi mengikuti latihan intensif yang dirangka sebagai proses pengukuhan kepimpinan.

"Fokus utama kohort 2025/2026 merangkumi pembinaan dasar yang peka gender, pengukuhan kefahaman terhadap proses pembuatan dasar, penegeasan peranan Ahli Dewan Negeri sebagai penggubal dasar serta pembangunan kepimpinan menerusi modul latihan berstruktur," katanya.



Anfaal bergambar bersama peserta yang hadir

Anfaal berkata demikian selepas melancarkan Sidang Wanita Selangor (SISWANIS) 2025/2026 di sini, hari ini.

Dalam ucapannya, Anfaal turut menegaskan komitmen Kerajaan Negeri untuk terus mengangkat suara wanita ke peringkat pembuat keputusan.

SISWANIS 2025/2026 dijangka menjadi pemangkin kepada peningkatan penglibatan wanita dalam pembuatan dasar dan undang-undang, selaras dengan persediaan menghadapi pilihan raya akan datang.

Inisiatif ini turut menyumbang kepada usaha membentuk Selangor yang lebih inklusif, progresif dan berdaya saing menjelang 2030, selaras dengan Matlamat 4 Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026, iaitu mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin menjawab soalan lisan pada hari ketiga Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Ke-15 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

MELAKA SALUR BANTUAN KEWANGAN BULANAN, CAKNA KEPERLUAN WARGA EMAS

NURSALIAWATI SALBERI
SELASA, 9 DISEMBER 2025 @ 17:01

SERI NEGERI 9 Disember – Bantuan kewangan RM500 disalurkan Kerajaan Negeri kepada warga emas bagi memastikan kebajikan golongan itu terjamin, selain memastikan mereka kekal menjadi sebahagian daripada komuniti.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berpendirian bahawa penempatan warga emas sebatang kara di institusi kebajikan adalah langkah terakhir.

Kalsom berkata, antara yang disalurkan untuk golongan itu adalah Bantuan Warga Emas (BWE), Bantuan Am dan Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar disediakan Kerajaan Negeri yang bertujuan menyokong keperluan asas mereka supaya dapat terus tinggal secara berdirian.

“Selain itu Kerajaan Negeri juga menggalakkan penglibatan komuniti setempat melalui Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) iaitu inisiatif sukarelawan untuk menyediakan sokongan sosial kepada warga emas yang tinggal bersendirian atau bersama keluarga yang memerlukan.

“Malah JKJ juga melaksanakan intervensi berbentuk sokongan komuniti termasuk pemantauan berkala oleh Pegawai JKJ bersama pemimpin tempatan untuk memastikan warga emas sentiasa mendapat perhatian serta bantuan di kediaman masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Zulkiflee Mohd Zin (BN-Taboh Nanning) pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas, di sini, hari ini.

Kalsom yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata, sejumlah RM168,708,700 telah diperuntukkan Kerajaan Negeri khusus untuk BWE membabitkan seramai 11,458 penerima.

“Bagi jumlah klien warga emas dan lain-lain kumpulan sasar Jabatan yang terlibat dengan KBDR di Melaka adalah seramai 216 orang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM622,000 bagi 2025,” katanya.

Jelas beliau, penempatan warga emas khususnya mereka yang sebatang kara di institusi kebajikan hanya dibuat selepas semua intervensi komuniti tidak lagi sesuai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sambutan luar biasa UMMU 2025, bukti kepentingan agenda wanita dan keluarga

Nasional - Dicipta: 09 Disember 2025 05:09 PM



PUTRAJAYA, 9 Disember – Penganjuran sulung Usrah Mega Muslimah (UMMU 2025) hari ini melakar sejarah tersendiri apabila menarik penyertaan hampir 800 Muslimah dari seluruh negara.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee, berkata sambutan luar biasa itu membuktikan agenda pembangunan wanita dan institusi keluarga terus menjadi fokus utama masyarakat.

Menurutnya, wanita memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan rumah tangga, sekali gus mempengaruhi keharmonian sosial secara keseluruhan.

"Antara cabaran utama yang kita hadapi adalah isu kekeluargaan yang bermula di rumah. Wanita, terutamanya para isteri dan ibu, memainkan peranan besar dalam memastikan wujudnya keharmonian antara suami dan isteri serta dalam membina keluarga bahagia.

"Dengan program seperti UMMU 2025 ini, insya-Allah kita dapat memperkukuh institusi keluarga dan seterusnya membangunkan masyarakat Madani," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan ucap-tama pada UMMU 2025 yang berlangsung di Auditorium JAKIM, Putrajaya.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang merasmikan program berkenaan.

Penganjuran julung kali itu memberi tumpuan kepada pengisian yang merangkumi pembinaan keluarga, kesejahteraan emosi, serta pengukuhan peranan wanita sebagai ejen keharmonian masyarakat.

Datuk Dr Sirajuddin turut memaklumkan bahawa JAKIM merancang untuk memperluaskan program tersebut ke peringkat negeri dengan kerjasama PUSPANITA dan jabatan agama negeri bagi memastikan manfaatnya dapat dicapai lebih ramai wanita Muslim.

Dengan sambutan yang memberangsangkan, UMMU 2025 dilihat sebagai langkah awal ke arah mewujudkan rangkaian sokongan Muslimah yang lebih menyeluruh, sekali gus memperkukuh teras keluarga dalam pembentukan masyarakat Madani yang sejahtera.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki didera, realiti yang jarang dibicarakan

Kolum - Diippta: 09 Disember 2025 09:44 AM



Ilustrasi: Hasan Yusoff/Aljazeera

SAUDARA PENGARANG

Penderaan terhadap lelaki adalah isu yang jarang diperkatakan, namun realitinya ia wujud di sekeliling kita. Selama ini, apabila menyentuh soal mangsa keganasan rumah tangga, kebanyakan orang membayangkan wanita. Hakikatnya, lelaki juga boleh menjadi mangsa penderaan, sama ada secara fizikal mahupun emosi. Air mata lelaki mungkin jarang kelihatan, tetapi luka di hati mereka boleh jadi amat mendalam apabila didera.

Walaupun jumlah mangsa wanita lebih tinggi, data menunjukkan lelaki tidak terkecuali menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 1,865 kes keganasan rumah tangga melibatkan mangsa lelaki pada tahun 2024 (meningkat berbanding 1,213 kes pada 2023).

Malah, sepanjang tujuh bulan pertama 2025 sahaja, 1,183 kes telah dilaporkan. Secara keseluruhan, dianggarkan sekitar 25% (suku) daripada mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia dalam tahun 2022–2024 adalah lelaki. Angka-angka ini membuktikan bahawa isu ini bukan terencil.

Bentuk penderaan yang dialami lelaki serupa dengan yang dialami mangsa wanita. Ia merangkumi penderaan fizikal dipukul, ditendang, disepak terajang atau diancam dengan objek berbahaya serta penderaan emosi seperti dihina, dipersendakan, dikawal pergerakan, dilarang berhubung dengan keluarga atau rakan, dan diugut.

Sesetengah lelaki mungkin mengalami penderaan psikologi jangka panjang yang merosakkan harga diri. Contohnya isteri memperlekehkan suami secara berterusan atau memanipulasi emosi. Penderaan seksual atau kewangan (pasangan mengawal duit sepenuhnya) juga boleh berlaku. Kes-kes sebegini sering berlaku dalam senyap kerana mangsa lelaki cenderung memendam derita tanpa mencaritakannya kepada orang lain.

Cabaran dan Persepsi Masyarakat

Stigma masyarakat menjadi cabaran utama yang menyebabkan penderaan terhadap lelaki kurang dilaporkan. Ramai lelaki berasa malu, takut dan bimbang dipandang rendah jika mengaku diri mereka didera. Persepsi lapuk bahawa "lelaki mesti kuat" membuatkan mangsa lelaki risau dicemooh sebagai lemah. Akibatnya, ramai yang memilih untuk berdamai diri dan menderita sendirian daripada mencari pertolongan.

Untuk mengatasi masalah ini, sikap masyarakat perlu berubah. Kita hendaklah lebih empati dan tidak menyalahkan mangsa lelaki. Jangan anggap isu keganasan rumah tangga hanya isu "kaum wanita" semata-mata. Ia adalah isu kemanusiaan yang boleh menimpa sesiapa tanpa mengira jantina.

Apabila seorang lelaki berani tampil membuat aduan, berikan sokongan dan galakan. Buat prejudis atau ejekan. Kesedaran awam juga perlu ditingkatkan bahawa tiada sesalapa takut didera dan mangsa lelaki berhak mendapat keadilan dan perlindungan sama seperti mangsa wanita.

Di Malaysia, pihak berkuasa telah mengorak langkah positif. Kampan kesedaran kini bersifat lebih inklusif, menekankan bahawa keganasan rumah tangga boleh menimpa lelaki atau wanita. Malah, kerajaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan Program Lelaki Budiman Negara.

Program itu bertujuan memperkasa peranan lelaki sebagai suami, bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Ini termasuk penyediaan modul pendidikan khas agar golongan lelaki lebih peka peranan mereka dan mampu membina keluarga harmoni tanpa keganasan. Jakkim.

Konsep Lelaki Qawwam dalam Islam

Islam sejak awal lagi mengangkat peranan lelaki sebagai qawwam. Istilah qawwam berasal daripada Surah An-Nisa' ayat 34, yang menegaskan lelaki adalah "pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab" ke atas wanita (keluarga). Maksudnya, lelaki diberi amanah sebagai pemimpin, pelindung dan wali kepada keluarga di bawah tanggungjawabnya.

Tanggungjawab ini merangkumi menjaga kebajikan, keselamatan dan maruah ahli keluarga tersebut. Seorang lelaki qawwam sejati akan membimbing keluarganya ke arah kebaikan dunia dan akhirat, bukan menzalimi atau mengabaikan mereka.

Penting ditekankan bahawa konsep lelaki qawwam bukan lesen untuk menindas, tetapi satu amanah yang perlu dipenuhi dengan adl dan ihsan. Malah, Islam mengingatkan bahawa kegagalan lelaki menghayati peranan qawwam boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial.

Antaranya lelaki yang culas menuai nafkah dan melakukan penderaan terhadap ahli keluarganya merupakan contoh pemimpin keluarga yang gagal. Oleh itu, qawwam menuntut lelaki bersikap amanah, kasih sayang, sabar dan menghormati pasangan serta anak-anak.

Membangun Kesejahteraan Emosi dalam Perspektif Islam

Masyarakat perlu mengakui bahawa lelaki juga bersiko mengalami masalah emosi dan penderaan. Menurut data terkini, banyak lelaki menjadi mangsa keganasan rumah tangga bukan hanya wanita.

Islam memandang serius soal emosi dan keselamatan individu; ia menekankan pengawalan perasaan dan tolak ansur dalam keluarga. Berikut beberapa langkah praktikal yang disarankan, selari dengan ajaran Islam, untuk membina kesejahteraan emosi lelaki dan mengelak situasi penderaan:

• **Akui dan Urus Emosi:** Kenal pasti perasaan seperti marah, sedih atau tertekan, dan salurkan dengan cara sihat. Islam mengiktiraf kebalikan mengawal kemarahan – Allah SWT memuji mereka yang "menahan marah" dalam al-Qur'an. Rasulullah SAW juga berpesan agar kita tidak terburu-buru menurut kemarahan, malah Baginda mengingatkan "orang kuat itu ialah yang mampu mengawal dirinya ketika sedang marah".

Ini bermaksud kekuatan sebenar seorang lelaki ialah kebijaksanaan mengendalikan emosi. Tidak mengapa jika seorang lelaki menitikkan air mata kerana keinsafan atau kesedihan – menangis adalah ekspresi fitrah manusia (para nabi, termasuk Rasulullah SAW, sendiri pernah menangis). Paling penting, selepas meluahkan perasaan, gunakan ibadah dan amalan sunnah untuk memenangkan diri (misalnya berwuduk, solat, berzikir) sebagaimana dianjurkan dalam Islam.

• **Berkongsi dan Berkomunikasi Terbuka:** Elakkan memendam konflik sehingga meletus menjadi krisis. Dalam keluarga Islam, suami isteri diseru untuk hidup dalam ketenangan, kasih sayang dan rahmat. Allah SWT berfirman bahawa salah satu tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menajatkan pasangan untuk menenteramkan hati antara satu sama lain.

Oleh itu, berbincanglah secara jujur dan lembut dengan pasangan. Jika rasa sukar, pertimbangkan sesi kaunseling perkahwinan inisiatif seperti Program Lelaki Budiman Negara menyediakan kaunselor khusus mengikut kesesuaian mangsa (mangsa boleh memilih kaunselor lelaki atau perempuan). Dalam Islam, prinsip syura (musyawarah) digalakkan untuk mencari penyelesaian bersama; masalah yang dicurahkan dengan baik biasanya lebih mudah ditangani.

• **Dapatkan Sokongan:** Jangan segan mencari bantuan. Sekiranya mengalami penderaan, segera hubungi bantuan 24 jam seperti Talian Kasih 15999 untuk sokongan dan perlindungan. Anda juga boleh ke pejabat kebajikan masyarakat atau mendapatkan kaunseling di LPPKN. Islam mengiktiraf kepentingan rawatan moden dan kaunseling bagi masalah mental dan emosi, selagi selaras dengan syariat (halal dan thayyib).

Islam tidak memalukan orang yang mencari pertolongan sebaliknyanya, rawatan melalui kaunseling dan perubatan moden adalah dibenarkan. Di samping itu, pemulihan rohani seperti membaca al-Qur'an, berdoa dan solat juga sangat membantu menenangkan jiwa. Mengutamakan hubungan dengan Allah (taqarrub) adalah sebahagian daripada usaha memulihkan kesihatan emosi mengikut ajaran Islam.

• **Rancang Pelan Keselamatan:** Keselamatan diri adalah keutamaan jika mengalami penderaan fizikal. Sediakan langkah praktikal seperti menyimpan nombor kecemasan (999, Talian Kasih), menyediakan dokumen penting, dan meminta bantuan keluarga atau sahabat untuk tempat perlindungan sementara.

Ingat, Islam menghargai nyawa; setiap muslim berhak melindungi dirinya dari bahaya. Undang-undang Malaysia pula melindungi semua mangsa tanpa mengira jantina. Sebagai contoh, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) membenarkan pengeluaran Perintah Perlindungan Interim untuk melindungi mangsa (termasuk suami) dari penderaan.

Perlembagaan Persekutuan juga menegaskan semua orang sama rata di sisi undang-undang tanpa diskriminasi (termasuk jantina). Jika perlu, mangsa lelaki berhak memohon perintah mahkamah untuk melindungi diri.

Secara keseluruhan, Islam menganjurkan lelaki (dan semua orang) bersikap seimbang emosi, tegas menegakkan hak diri tetapi lemah lembut dalam berbicara. Dengan menggabungkan ketabahan rohani dan tawakal (berserah diri kepada Allah) bersama sokongan profesional dan praktikal undang-undang, seorang lelaki dapat membina ketenangan jiwa dan menegah situasi penderaan dalam rumah tangga.

Kesimpulan

Penderaan terhadap lelaki adalah realiti yang tidak boleh lagi disipu ke bawah permadani. Sudah tiba masanya masyarakat membuka mata dan menunjukkan sikap prihatin tanpa prejudis terhadap mangsa lelaki. Pada masa yang sama, lelaki sendiri perlu berani tampil bersuara jika didera dan berusaha membina kesihatan emosi yang kukuh.

Konsep lelaki qawwam mengajar bahawa lelaki sejati adalah pelindung dan pembimbing yang penyayang, bukannya pembuli. Dengan sokongan komuniti, kesedaran undang-undang, dan penghayatan nilai-nilai murni dalam agama, kita dapat melahirkan lebih ramai lelaki budiman yang bebas daripada kitaran penderaan demi kesejahteraan keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Dr. Mohd Alifuddin Mohamad
Pensyarah Kanan
Jabatan Kesihatan Komuniti
Institut Perubatan dan Pergigian Teraju (IPPT)
Universiti Sains Malaysia

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Latar belakang empat mangsa pedofilia masih kabur - Exco Johor

Mary Victoria Dass
am@metro.com.my



GAMBAR HIASAN

Johor Bahru: Waris empat mangsa pedofilia yang diselamatkan pihak berkuasa di negeri ini, baru-baru ini masih tidak dapat dijejaki.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor Khairin-Nisa Ismail berkata, seramai 10 mangsa lain termasuk seorang merupakan warga Indonesia sudah dituntut oleh keluarga atau waris masing-masing.

Menurutnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus memberi perlindungan dan penjagaan yang baik kepada kanak-kanak yang tidak memiliki waris itu.

Katanya, kaunselor jabatan itu juga berusaha memberi sokongan psikologi kepada kanak-kanak itu.

"Kanak-kanak tiada dokumen lengkap serta maklumat berkaitan ibu mahupun bapa kandung, keluarga masing-masing masih dikesan oleh jabatan berkenaan, mungkin mereka orang luar.

"Dalam situasi itu, JKJ masih mengumpul maklumat sesuai bagi mengesan keluarga mereka supaya dapat membincangkan masa depan kanak-kanak ini.

"Ketika di bawah penjagaan JKJ, semua dalam keadaan sihat, baik dan tiada sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke Program Wanita Pemangkin Negara, Penggerak Dunia anjuran Yayasan Penyayang Iskandar Puteri di Dewan Raya Taman Pulai Utama, di sini.

Pada 29 Ogos lalu, media mendedahkan modus operandi sebuah sindiket yang berjanji mahu menjadikan bayi sebagai anak angkat, namun akhirnya bayi yang baru dilahirkan dipisahkan daripada ibu kandung sebelum dijadikan mangsa pemuas nafsu dan 'model' kandungan lucah.

Perbuatan seorang lelaki pedofilia berusia 29 tahun terbongkar apabila dia ditahan polis dalam Op Pedo antara 19 Julai hingga 19 Ogos lalu.

Awalnya, tiga kanak-kanak berusia lima hingga tujuh tahun dikenal pasti menjadi mangsa sebelum polis kemudiannya menemui puluhan rakaman video dan ratusan gambar bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dalam telefon bimbit lelaki berkenaan.

Lelaki yang juga juruteknik menggunakan bayi dan kanak-kanak bagi tujuan rakaman adegan lucah dan seksual sebelum dimuat naik dalam 'darkweb' dan aplikasi sembang Telegram.

Modus operandi adalah mengiklankan di Facebook, kononnya dia mencari bayi untuk dijadikan anak angkat.

Sementara itu, ketika berucap di program berkenaan, Khairin-Nisa berkata, wanita zaman moden ini bukan sekadar pendukung institusi keluarga tetapi merupakan ejen perubahan, pemacu kemajuan dan penyumbang utama kepada pembangunan negara.

Katanya, sejarah membuktikan bahawa wanita yang berilmu, berkemahiran dan berdaya tahan mampu mengangkat martabat masyarakat dan membina masa depan yang lebih sejahtera.

"Kerajaan negeri sentiasa komited untuk memperkukuh agenda pembangunan wanita dan keluarga.

"Kita mahu wanita Johor bukan sahaja maju dari segi ekonomi tetapi juga sejahtera dari aspek mental, fizikal dan emosi.

"Saya menyeru agar peserta memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan hari ini menerusi program ini demi masa depan masing-masing," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hari Hak Asasi Manusia: Perlindungan kanak-kanak, OKU perlu diberi lebih perhatian

Pakej Berita - Dicipta: 09 Disember 2025 09:26 PM

Hari Hak Asasi Manusia yang bakal disambut esok, menjadi peluang untuk menilai semula usaha negara dalam memastikan kanak-kanak dan golongan rentan menikmati perlindungan sewajarnya. Ia selaras dengan pembaharuan undang-undang dan peningkatan kesedaran masyarakat yang semakin baik. Laporan Aliff Asyraf Kamanor.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Kesedaran Kanak-kanak, Sokongan Wanita Perlu Diperkukuh

9 December 2025

Berita Utama

KUALA LUMPUR, 9 Dis – Ahli Dewan Undangan Negeri Juasseh, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid menegaskan bahawa isu wanita, warga emas dan kanak-kanak adalah aspek utama dalam pembangunan negara dan tidak seharusnya dianggap sebagai isu sampingan.

Beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Negeri berkata di tambah Negeri Sembilan kini sedang menuju negeri menua dengan 12.8 peratus penduduk berusia 60 tahun ke atas, sekaligus keadaan ini memberi kesan besar kerana beban penjagaan warga emas biasanya dipikul oleh kaum wanita.



"Saya ingin mencadangkan program kesedaran keselamatan kanak-kanak terutamanya seperti membanteras isu buli, pendidikan kesihatan reproduktif seperti yang telah saya cadangkan dahulu, pencegahan penderaan juga perlu dirancakkan.

"Kajian menunjukkan 65 peratus warga emas menghadapi dua

penyakit tidak berjangkit, maka perkhidmatan kesihatan, pemulihan dan penjagaan di rumah perlu diperkukuh termasuk di Juasseh.

"Pada masa sama, penuaan penduduk membuka peluang *silver economy* dalam sektor penjagaan dan kesihatan yang boleh dimanfaatkan wanita sebagai penyedia perkhidmatan.

"Justeru, sistem sokongan sosial untuk warga emas, wanita bekerja dan kanak-kanak perlu diperkasakan secara menyeluruh oleh Kerajaan Negeri terutamanya dalam belanjawan ini," katanya.

Bibi Sharliza berkata demikian ketika Perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 di DUN hari ini.

Sementara itu, beliau turut sama mengusulkan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan TVET MicroHub di Juasseh sebagai pilot model Negeri Sembilan.

Menurut beliau MicroHub ini berfungsi sebagai model pusat latihan kecil berasaskan komuniti yang menyediakan latihan teknikal dan vokasional secara lebih fleksibel, dekat dengan masyarakat dan kos rendah, terutamanya di kawasan luar bandar.

"Ia berfungsi sebagai *mini learning lab* / *mini training centre* yang memberikan akses awal pada latihan kemahiran, pusat automasi pertanian malah pusat pemasaran digital untuk sokongan pertanian moden dan lain-lain tanpa memerlukan kampus besar.

"Jika kita tidak menyediakan anak luar bandar dengan kemahiran baharu, maka mereka sendiri akan menjadi masyarakat yang tertinggal dalam negeri yang sedang I membangun.

"MicroHub ini juga boleh menyasarkan wanita luar bandar, belia lepasan SPM, komuniti Orang Asli, serta golongan yang ingin menambah kompetensi digital," ujar beliau. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hari Kanak-Kanak HTA galak anak bebas daripada gajet

Nurul Hidayah Behaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my



DR Harikrishna (tengah) bersama Dr Shamsul Anuar merasmikan sambutan Hari Kanak-Kanak HTA, hari ini. FOTO Ihsan HTA

Kuala Lumpur: Hospital Tunku Azizah (HTA) memilih 'Permainan Tradisional' sebagai tema bagi sambutan Hari Kanak-Kanak 2025 hospital berkenaan pada tahun ini.

Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datuk Dr Harikrishna K R Nair berkata, tema itu bukan sahaja mengimbu nostalgia budaya tetapi juga berfungsi sebagai jambatan antara generasi.

"Menerusi permainan seperti congkak, batu seremban, teng teng dan baling tin, kanak-kanak diberi ruang untuk berkembang secara kreatif, berinteraksi secara sihat, belajar nilai budaya serta mengetengahkan ekspresi diri yang bebas dan menyeronokkan.

"Kita sedar bahawa pada masa kini anak-anak kita terikat dengan teknologi iaitu 'gajet'. Kanak-kanak juga terkesan dengan gaya hidup teknologi moden yang sudah didedahkan di awal usia.

"Maka pemilihan tema 'Permainan Tradisional' adalah menepati kehendak pada masa kini iaitu kanak-kanak bebas daripada gajet dan menikmati permainan tradisional yang menyeronokkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian sambutan Hari Kanak-Kanak 2025 peringkat HTA di hospital berkenaan, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah HTA, Dr Shamsul Anuar Kamarudin.

Dr Harikrishna berkata, suara, identiti dan kesejahteraan kanak-kanak mesti sentiasa menjadi keutamaan.

"Semua warga HTA komited dalam menyediakan rawatan penuh empati sambil membina persekitaran yang ceria dan mesra kanak-kanak.

"Sebagai hospital rujukan wanita dan kanak-kanak, HTA memainkan peranan yang amat besar dalam memastikan setiap kanak-kanak menerima rawatan profesional yang penuh empati, perhatian dan kasih sayang," katanya.

Sementara itu, Dr Shamsul berkata, terdapat kepentingan meneruskan tradisi permainan sebagai sebahagian daripada pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak.

"Dalam era gajet, permainan tradisional seperti congkak, teng teng, batu seremban dan lain-lain bukan sekadar hiburan tetapi juga sebagai medium pendidikan berasaskan pengalaman.

"Kepelbagaian permainan tradisional ini bukan sahaja menceriakan sambutan tetapi turut mempamerkan kekuatan budaya kerja berpasukan seluruh warga HTA serta sokongan padu rakan-rakan luar," katanya.

Menurutnya, sambutan terbabit membuka ruang kepada kanak-kanak untuk bermain, belajar dan berinteraksi dalam persekitaran selamat serta menyeronokkan seiring dengan konsep persekitaran memulihkan yang menjadi identiti HTA.

"Semoga usaha ini terus menginspirasi kita semua untuk menyantuni dan membimbing anak-anak dengan penuh kasih sayang sambil memastikan inovasi perkhidmatan terus diperkasa demi masa depan mereka," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan kaji keselamatan kanak-kanak guna permainan dalam talian – Teo

© 09 Disember 2025, 1:55pm



Tembakan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching dalam sesi soal jawab di Dewan Negara, hari ini

Oleh: Farah Nabilah Wazer

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang menjalankan penilaian menyeluruh terhadap isu keselamatan kanak-kanak menggunakan permainan dalam talian, termasuk mengadakan sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan.

Timbalkan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching, berkata usaha itu bertujuan memberi gambaran menyeluruh mengenai kaedah kawal selia yang sesuai bagi menangani risiko keselamatan kanak-kanak di platform permainan dalam talian.

"Walaupun kandungan dalam platform permainan atas talian tidak termasuk dalam kategori perkhidmatan berlesen setakat ini, tindakan penguatkuasaan masih boleh diambil sekiranya kandungan tersebut menyalahi undang-undang, contohnya di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) atau apabila aduan dibuat oleh individu atau pihak berkuasa," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Negara di sini, hari ini.

Tambahnya, tindakan itu termasuk permohonan penurunan kandungan, siasatan lanjut atau permohonan sekatan terhadap laman sesawang terlibat, tertakluk kepada peruntukan undang-undang.

Tegas Teo, ibu bapa memainkan peranan penting dalam memantau penggunaan internet oleh anak-anak bagi mengelak daripada terdedah kepada kandungan keganasan, jenayah, perjudian atau ganjaran maya yang mendorong tingkah laku agresif.

"Peranti bukan pengganti ibu bapa," ujarinya lagi.

Teo menjawab soalan Senator Norhasmimi Abdul Ghani mengenai langkah kerajaan memantau aktiviti pedofilia dalam talian, termasuk media sosial dan platform permainan, yang sering menjadi medium pelaku mendekati mangsa bawah umur.

Katanya, penguatkuasaan berkaitan pedofilia, sama ada dalam atau luar talian, adalah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut undang-undang seperti Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

Menurutnya, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terus memantau kandungan berbahaya dalam talian, termasuk eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak.

"Tindakan diambil jika kandungan menyalahi Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), misalnya penerbitan bahan lucah atau jelik yang melibatkan kanak-kanak. MCMC juga menjalankan perbincangan berterusan dengan penyedia platform untuk memastikan perkhidmatan mereka lebih telus dan mematuhi peraturan tempatan," katanya.

Teo menambah, kerjasama dengan PDRM diperkukuh melalui operasi seperti Op Pedo 1.0 tahun lalu dan Op Pedo 2.0 tahun ini bagi membanteras kandungan memudaratkan dan aktiviti pedofilia.

Katanya, kerajaan juga telah menggubal Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (Akta 866) yang mewajibkan penyedia perkhidmatan aplikasi, kandungan dan rangkaian berlesen untuk mengawal selia kandungan berbahaya.

MCMC kini sedang memuktamadkan peraturan dan kod subsidiari di bawah akta tersebut, dengan fokus kepada perlindungan kanak-kanak dan penetapan kandungan mengikut umur.

Selain itu, MCMC sedang mengkaji kaedah pengesahan umur dan identiti pengguna media sosial di Malaysia, merangkumi rangka kawal selia, kesiapsiagaan infrastruktur negara dan amalan antarabangsa bagi memastikan pendekatan yang dirangka menyeluruh dan selaras dengan keperluan semasa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penuntut IPT didakwa lakukan seks luar tabii, amang seksual pelajar Tingkatan 5

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim - Disember 9, 2025 @ 11:35am



Muhammadn Yushakimi Jamaludin didakwa di Mahkamah Sesyen atas dua pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dan amang seksual terhadap pelajar perempuan Tingkatan Lima di Lata Janggut, Jeli. - Foto NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

PASIR MAS: Seorang penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dua pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dan amang seksual terhadap pelajar perempuan Tingkatan Lima di dalam kereta di Lata Janggut, Jeli, pada 29 November lalu.

Tertuduh, Muhammad Yushakimi Jamaludin, 21, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkpli Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii terhadap remaja perempuan berusia 17 tahun 10 bulan.

Kesalahan itu dilakukan dalam Perodua Myvi di tempat letak kereta di Lata Janggut, Jeli pada jam 2.30 petang pada 29 November lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377A Kanak-Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 377B memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebat.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang sama serta di lokasi serta tarikh yang sama.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebat.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Aiysha Na'ilah Harizan, manakala tertuduh diwakili peguam Habibah Wahab.

Terdahulu, Siti Aiysha Na'ilah menawarkan jaminan RM20,000 manakala Habibah memohon jaminan minima diberikan memandangkan anak guamnya masih menuntut di sebuah universiti di Jeli dan masih dalam tanggungan kedua ibu bapa.

Mahkamah kemudiannya menawarkan jaminan RM10,000 untuk dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan menetapkan 11 Januari sebagai tarikh sebutan semula kes.

Media sebelum ini melaporkan, sepasang kekasih tidak sempat melakukan hubungan seks di dalam kereta selepas terkejut dengan kehadiran polis.

Ketua Polis Daerah Jeli, Superintendan Kamarulzaman Harun, dilaporkan berkata susulan pemeriksaan polis itu, penuntut IPT berkenaan ditahan dan dipercayai suspek mengambil pelajar Tingkatan Lima yang juga calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah sebelum cuba melakukan hubungan seks dalam kereta di lokasi kejadian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki dipenjara 5 bulan kerana cabul wanita

🕒 09 Disember 2025, 5:08pm



Jefri dijatuhi hukuman penjara lima bulan selepas mengaku salah mencabul kehormatan seorang wanita, Oktober lalu. – FOTO: NSTP

Oleh: Meor Riduwan Meor Ahmad

MELAKA: Seorang lelaki dipenjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini hari ini atas kesalahan mencabul seorang wanita di hadapan sebuah masjid, Oktober lalu.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Uthman Abd Ghani terhadap Jefri Joris, 46, selepas meneliti fakta kes, hujah pendakwaan serta rayuan tertuduh.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman berkenaan berkuat kuasa mulai 16 Oktober lalu, iaitu tarikh dia ditangkap.

Mengikut pertuduhan, Jefri didakwa menggunakan kekerasan jenayah dengan niat mencabul kehormatan seorang wanita berusia 31 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di kawasan Lebuah Alor Gajah–Melaka Tengah–Jasin (AMJ) berhampiran pintu gerbang Masjid Al Abrar, Semabok, pada 6 Oktober lalu, sekitar 11.50 pagi.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Berdasarkan fakta kes, sebelum kejadian motosikal mangsa kehabisan petrol sebelum dia meminta bantuan tertuduh untuk membeli minyak dan memberikan RM5.

Tertuduh yang kematian isteri dan mempunyai empat orang anak kemudian kembali dan bertanyakan botol kosong untuk mengisi petrol sebelum tiba-tiba menyentuh dada mangsa, menyebabkan wanita itu terkejut dan menuntut wangnya dikembalikan.

Namun sebelum beredar dengan menunggang motosikal, tertuduh sekali lagi dilapor mencabul mangsa.

Mangsa yang bimbang keselamatan dirinya terus membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh.

Pegawai Pendakwa, Inspektor Nur Zaidah Muhamad Zailani memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh supaya tidak mengulangi kesalahan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rogol remaja hingga hamil, lelaki Bangladesh direman 7 hari

🕒 09 Disember 2025, 3:14pm



Oleh: Ahmad Hasbi

NILAI: Lelaki warga Bangladesh yang disyaki merogol seorang remaja perempuan berusia 16 tahun sehingga hamil, Mei lalu direman tujuh hari untuk siasatan lanjut.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Johari Yahya berkata, perintah reman terhadap suspek berusia 31 tahun itu dikeluarkan Majistret Farha Sulaiman di Mahkamah Majistret Seremban, hari ini.

“Reman terhadap suspek warga Bangladesh ini bermula 9 hingga 15 Disember dan siasatan akan dilakukan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

“Siasatan akan dilengkapkan dan akan dihantar ke pihak pendakwaan,” katanya kepada pemberita ketika dihubungi, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki warga Bangladesh bertindak melarikan diri dengan pulang ke negara asal selepas disyaki merogol remaja perempuan berusia 16 tahun.

Difahamkan, mangsa yang juga rakan sekerja suspek di sebuah kedai runcit di Taman Semarak, di sini, dirogol sebanyak empat kali di premis kedai runcit berkenaan.

Johari dilaporkan berkata, ibu mangsa mendapati berlaku perubahan pada badan anak perempuannya sebelum membuat pemeriksaan di klinik lalu disahkan hamil.

Dia kemudiannya membuat laporan polis pada Mei lalu, bagaimanapun, suspek ditahan di Balai Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 11.44 pagi semalam ketika kembali ke negara ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita maut, kereta terbabas ke dalam Sungai Muar

Nasional - Dicipta: 09 Disember 2025 03:23 PM



Seorang wanita maut dalam kemalangan di Tanjung Agas, Tangkak

TANGKAK, 9 Disember - Seorang wanita maut dalam kemalangan di Tanjung Agas, Tangkak, Johor.

Ketua Polis daerah Tangkak, Superintenden Roslan Mohd Talib berkata dalam kejadian kira-kira pukul 4.04 petang semalam, kenderaan dipandu mangsa dipercayai terbabas ke dalam Sungai Muar.

Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) yang tiba di lokasi seurus menerima panggilan kecemasan, berjaya menarik keluar kenderaan jenis Nissan Grand Lavina kira-kira dua jam kemudian.

Mangsa berusia 34 tahun disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Mayat mangsa dibawa ke Hospital Tangkak untuk bedah siasat.

Orang ramai yang menyaksikan kejadian diminta tampil menyalurkan maklumat di balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.